

BULETIN KNSTP

PELANCARAN KNSTPGOLD

25 Jun 2023 - Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad telah melancarkan produk yang dinamakan KNSTPGOLD iaitu pelaburan emas secara digital dan fizikal melalui Buku Simpanan Emas.

Pelancaran telah dilakukan oleh Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55 di Theatrette, NSTP Bangsar.

Turut hadir Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Puan Norlizawati Daud, dan Pengerusi KNSTP, Mohd Fadzil Abdul Ghani.

Produk adalah patuh syariah dan merupakan salah satu usaha memupuk minat semua anggota untuk menabung bagi tujuan simpanan jangka panjang di dalam bentuk pelaburan emas.

Ahmad Zaini, yang juga merupakan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, memuji langkah KNSTP untuk memperkenalkan produk BSE demi menambah pendapatan koperasi yang akan memberi faedah kepada anggota.

Keterangan lanjut, sila hubungi **Amir, Pengurus Unit Ar-Rahnu** di talian **011-10504369**

#KNSTPGOLD
#AGMKNSTPKE55
#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA



Ahmad Zaini (tengah) melancarkan produk pelaburan emas secara digital dan fizikal melalui Buku simpanan emas



KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AR-RAHNU X'CHANGE DATARAN MENTARI
AR-RAHNU X'CHANGE DATARAN MENTARI



KNSTP MART
@KOOPNSTP
@KNSTP_MART